

06 SEP 1996

DR MAHATHIR Pengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO

KUALA LUMPUR, 6 Sept (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Yang turut hadir ialah Timbalan Presiden parti Datuk Seri Anwar Ibrahim, ketiga-ketiga naib presiden serta Ketua Pergerakan Pemuda dan Wanita.

Mesyuarat antara lain membincangkan mengenai persiapan perhimpunan agung parti bulan depan dan gejala politik wang dalam pemilihan pucuk pimpinan parti tahun ini.

Mesyuarat juga dijangka membincangkan cadangan tindakan terhadap calon-calon yang dituduh melanggar peraturan larangan berkempen.

-- BERNAMA

ARA AKD